

25/05/2002

Meritokrasi isu hangat akhbar Cina, Tamil

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

DESAKAN agar kerajaan menyatu serta menyelaras sistem peperiksaan untuk kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terus menjadi isu utama akhbar berbahasa Cina dan Tamil sepanjang minggu ini.

Editorial China Press, Isnin lalu, berpendapat punca masalah pelajar bukan Bumiputera gagal memasuki IPTA ialah jumlah tempat yang terhad.

Justeru, menurut akhbar itu, sudah sampai masanya kerajaan menyeragamkan sistem peperiksaan bagi kemasukan ke IPTA untuk mengelakkan rakyat rasa tidak puas hati rakyat.

Sistem kemasukan harus berlaku adil dan telus kepada semua pemohon tanpa mengira bangsa atau agama.

Akhbar itu turut menasihatkan pelajar bukan Bumiputera supaya jangan menyalahkan pihak lain, sebaliknya mereka perlu mengubah tanggapan bahawa pengajian di tingkatan enam selama dua tahun adalah sia-sia.

Selasa lalu, penganalisis semasa China Press berpendapat punca masalah bukan datang daripada kekurangan pelajar Bumiputera atau bukan Bumiputera memasuki IPTA tetapi tindakan kerajaan melaksanakan dasar yarikatsatu negara dua sistem'.

Menurutnya, cara terbaik ialah menyatukan peperiksaan untuk kemasukan ke IPTA bagi pelajar di seluruh negara seperti yang dilaksanakan oleh Jepun, Taiwan dan Korea Selatan.

Dua penganalisis Sin Chew Jit Poh, Selasa lalu, turut meminta kerajaan agar lebih ikhlas dalam melaksanakan satu sistem peperiksaan seragam untuk melahirkan rakyat berkualiti dan boleh bersaing di arena antarabangsa.

Mereka juga meminta kerajaan mengumumkan syarat kemasukan setiap kursus di IPTA selain senarai dan keputusan pelajar terbabit.

Menurut penulis, Kementerian Pendidikan tidak harus menyembunyikan keputusan peperiksaan pelajar Bumiputera untuk dibandingkan dengan pelajar bukan Bumiputera.

Selasa lalu, editorial Nanyang Siang Pau meminta kerajaan mengumumkan jumlah kemasukan pelajar ke kelas matrikulasi dan cara mengadili keputusan setiap peperiksaan di kelas berkenaan.

Akhbar itu menyeru kerajaan supaya mengkaji secara keseluruhan arah tuju sebenar pendidikan negara, termasuk pelaksanaan kelas matrikulasi dan sistem merit.

Penganalisis China Press, Rabu lalu, mempersoalkan keberkesanan sistem merit, sama ada bertujuan melahirkan mahasiswa Bumiputera yang benar-benar berkebolehan atau dasar itu hanyalah satu lagi cara secara tidak langsung untuk merampas peluang pelajar bukan Bumiputera memasuki IPTA.

Penulis berpendapat, pendidikan adalah asas pembinaan sebuah negara dan dasar pelaksanaannya tidak boleh dipandang ringan, sering ditukar atau dijadikan alat bagi ahli politik untuk meraih kepentingan individu.

Jika keadaan itu berlaku, katanya, tahap pendidikan negara bukan saja tidak dapat ditingkatkan, malah pelajar pelbagai kaum akan menjadi mangsa terhadap perubahan dasar pendidikan negara.

Kelmarin, Naib Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, dipetik Nanyang Siang Pau dan Sin Chew Jit Poh sebagai berkata, parti itu meminta kerajaan mengkaji pembukaan kelas matrikulasi kepada pelajar Cina dan India miskin bagi meningkatkan peluang kemasukan pelajar bukan Bumiputera ke IPTA.

Beliau berkata, parti itu turut mencadangkan Kementerian Pendidikan supaya membenarkan lepasan diploma pelbagai kursus untuk mengikuti kursus ijazah di IPTA.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, dipetik Sin Chew Jit Poh, Isnin lalu, sebagai berkata, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji kemungkinan melaksanakan dua rancangan sederhana pendek bagi menggalakkan lebih ramai pelajar Cina mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Beliau berkata, dua rancangan itu ialah membenarkan mana-mana sekolah menengah, termasuk sekolah menengah kebangsaan, membuka kelas tingkatan enam dan memendekkan sistem persekolahan daripada 13 atau 14 tahun kepada 12 tahun.

Sementara itu, Perhimpunan Agung MIC hujung minggu lalu masih menjadi berita utama akhbar Tamil, terutama mengenai kekecewaan perwakilannya dengan jawapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung pengambilan pelajar ke IPTA berdasarkan sistem meritokrasi.

Tamil Nesan (Nesan), dalam editorialnya, berpendapat Dr Mahathir seharusnya lebih diplomatik apabila bercakap mengenai isu itu kepada 1,460 perwakilan MIC dari seluruh negara.

Kenyataan Dr Mahathir bahawa sistem meritokrasi akan dikekalkan ternyata menyinggung perasaan perwakilan yang hanya sehari sebelum itu diyakinkan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, bahawa Perdana Menteri pasti akan memberi satu rumusan terbaik menangani isu berkenaan.

Malah, jaminan Samy Vellu untuk terus membangkitkan isu meritokrasi di Kabinet sehingga satu keputusan terbaik dapat dicapai, masih tidak dapat mengembalikan kepercayaan perwakilan yang mempertikaikan pertukaran daripada sistem kuota kepada sistem meritokrasi dalam sesi perbahasan ucapan dasar presiden.

Malaysia Nanban (Nanban) pula melaporkan mengenai cadangan MIC memulakan tiga pusat matrikulasi untuk kira-kira 4,500 pelajar India bagi mengimbangi kehilangan 50 peratus peluang memasuki IPTA berikutan kaedah pengambilan berdasarkan meritokrasi.

Akhbar itu melaporkan kenyataan Samy Vellu bahawa permohonan untuk memulakan tiga institusi berkenaan sudah dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan dan akan dibiayai oleh Institut Pembangunan Pendidikan Maju (MIED), sayap pendidikan parti itu.

Institusi berkenaan akan didirikan di Parit Buntar dan Ipoh selain di Segamat di mana MIC memiliki tanah dan akan dilengkapi asrama dan peralatan terkini.

Selain tiga lokasi berkenaan, ibu pejabat baru MIC di Bandar Utama, Kuala Lumpur juga akan menyediakan tempat bagi kursus matrikulasi.

Bagi memastikan tenaga pengajar yang terlatih, khidmat guru yang sudah bersara tetapi masih mampu menyumbangkan tenaga akan digunakan untuk mengendalikan kursus matrikulasi dan kemasukan terbuka kepada semua kaum walaupun pelajar India diberi keutamaan.

Isu meritokrasi itu turut membangkitkan pelbagai masalah kaum India lain yang belum diselesaikan walaupun sudah lama diperjuangkan MIC sejak 55 tahun lalu.

Ruangan surat pembaca Nesan dan Nanban dipenuhi luahan kekecewaan masyarakat India, antara lain mengenai isu sekolah Tamil dan isu gaji bulanan pekerja ladang getah, yang rata-rata mempersoalkan ketelusan kerajaan menangani rungutan masyarakat India tempatan.

Nanban, dalam editorialnya, menyatakan kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak wajar mengambil mudah sokongan masyarakat India yang tidak berbelah bahagi sejak MIC mengadakan pakatan dengan Umno dan MCA lebih 50 tahun lalu.

(END)